

24 FEB 1998

Motosikal-GP

MAHATHIR SEKALI LAGI MANJADI PENAUNG GRAND PRIX MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju menjadi penaung acara berprestij Grand Prix Motosikal Malaysia bagi kali kedua.

Keputusan Dr Mahathir untuk menjadi penaung Grand Prix Malaysia yang akan diadakan di Sirkuit Pasir Gudang pada 19 April ini, merupakan sumbangan besar kepada kejayaan keseluruhan perlumbaan tahun ini.

Bagi Malaysia Airports Berhad (MAB), yang terlibat dalam Grand Prix Malaysia bagi kali kedua, persetujuan Perdana Menteri merupakan berita baik dan akan memberi dorongan kepada syarikat itu untuk memastikan semuanya berjalan lancar.

"Kita gembira kerana Perdana Menteri telah bersetuju untuk menjadi penaung sekali lagi. Sokongan beliau banyak membantu dalam kejayaan Grand Prix tahun lepas dan kita berterima kasih kerana beliau sekali lagi menjadi penaung pada tahun ini," kata pengarah Grand Prix Malaysia Hussin Mohd Ali dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

"Kesemua mereka yang sama-sama menjayakan Grand Prix Malaysia gembira dengan berita itu," kata beliau.

Sokongan Perdana Menteri bagi lumba motosikal merupakan lanjutan kepada penglibatan beliau dalam sukan itu dengan beliaulah orang yang membawa Kejohanan Dunia Formula Satu ke negara ini.

Malaysia dijangka menganjurkan satu pusingan Kejohanan Formula Satu Dunia pada 1999 di Sirkuit Sepang berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) yang baru dan sirkit yang canggih itu dijangka siap pada suku ketiga tahun ini.

MAB yang menganjurkan Kejohanan Motosikal Grand Prix Dunia peringkat Malaysia telah mempertingkatkan persiapannya bagi perlumbaan itu.

Kakitangan MAB yang telah digerakkan sejak beberapa minggu lepas sedang bekerja keras untuk memastikan yang semuanya berjalan lancar bagi perlumbaan pada 19 April nanti.

"Masih tinggal dua bulan lagi tetapi kakitangan kita sudahpun digerakkan dan mereka sedang bekerja sepenuh masa untuk memastikan perlumbaan itu berjaya," kata Hussin.

Beliau berkata Johor Land Bhd, syarikat yang bertanggungjawab bagi kerja-kerja menaikkan taraf di sirkuit Pasir Gudang, sedang berusaha gigih untuk menyiapkan kerja-kerjanya sebelum pemeriksaan oleh para pegawai dari Persekutuan Motosikal Antarabangsa (FIM) pada 17 Mac ini.

Sementara itu, harga tiket bagi perlumbaan tahun ini telah ditetapkan pada RM200 (grandstand), RM100 (tempat duduk terbuka), RM60 (kemasukan am dari 17 hingga 19 Apr) dan RM15 (kemasukan am pada 17 April dan 18 April).

Pembelian tiket melalui telefon sudahpun bermula dan orang ramai boleh membuat tempahan mereka melalui talian 03-7553040 dan faks 03-7552020. --

BERNAMA

HRS PR